

26 MAR 2000

Mahathir-Sukan/I

PILIH JENIS SUKAN YANG TEPAT UNTUK CEMERLANG

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Rakyat Malaysia patut memilih dengan tepat jenis sukan untuk diceburi jika mereka mahu cemerlang dalam pertandingan di peringkat tempatan dan antarabangsa, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata ini akan membolehkan Malaysia memenangi pingat apabila negara menganjurkan acara-acara sukan bertaraf antarabangsa.

"Jika kita memilih sukan yang tepat, kita boleh menang," katanya pada majlis bagi menghargai mereka yang terbabit dalam kejohanan lumba basikal Le Tour De Langkawi baru-baru ini.

Dr Mahathir menyebut contoh seorang rakyat Malaysia yang memenangi pertandingan ketahanan menunggang kuda baru-baru ini dengan menamatkan tunggangan lebih daripada 160 kilometer dalam masa 14 jam, meninggalkan pemenang tempat kedua empat jam di belakangnya.

"Sekarang ini tumpukan kepada bidang sukan yang tidak memerlukan tubuh badan fizikal yang khusus seperti bola keranjang yang memerlukan seseorang mempunyai ketinggian tujuh kaki," katanya.

Dr Mahathir berkata pembabitan golongan belia dalam bidang sukan boleh membantu mereka keluar daripada aktiviti tidak sihat.

"Jika para belia menyertai bidang sukan, negara akan mempunyai rakyat yang sihat yang mampu berhadapan dengan semua cabaran," katanya.

Perdana Menteri juga mencadangkan kepada mereka yang berminat supaya menganjurkan pertandingan lumba perahu tahunan seperti yang diadakan di antara Univeristi Oxford dan Cambridge di England.

Menurutnya usaha itu mampu menyediakan satu pasukan lumba perahu negara yang boleh bersaing dalam perlumbaan antarabangsa, malah di Olimpik.

Menerusi Le Tour de Langkawi, katanya, Malaysia telah berjaya didedahkan kepada dunia luar.

Dr Mahathir berkata LTdL telah berkembang dan kini disenaraikan di tempat ketiga di dunia daripada segi penawaran hadiah kemenangan.

Beliau berkata perlumbaan basikal itu pada asalnya dirancang sebagai pertandingan mengelilingi pulau perangan Langkawi.

"LTdL kini menjadi satu perlumbaan bertaraf antarabangsa dan disenaraikan di dalam kalender perlumbaan basikal di seluruh dunia," katanya.

Dr Mahathir melahirkan rasa terima kasih kepada semua yang terbabit di dalam menganjurkan LTdL 2000 termasuk penaja, sukarelawan, polis dan media.

Beliau berkata Malaysia mampu menganjurkan acara bertaraf dunia seperti LTdL, perlumbaan Formula One dan Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) selain membina bangunan tertinggi di dunia kerana komitmen yang ditunjukkan oleh semua pihak.

-- BERNAMA

MAM RON AKD